# PENGARUH IKLIM ORGANISASI TERHADAP KUALITI GURU GENERASI 'Y': KOMPETENSI KECERDASAN EMOSI SEBAGAI MEDIATOR

**RANWAN MALINKUN**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2020**

**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

26 Oktober 2020

Ranwan Malinkun
MP1821431T

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH IKLIM ORGANISASI TERHADAP KUALITI GURU GENERASI 'Y': KOMPETENSI KECERDASAN EMOSI SEBAGAI MEDIATOR**

IJAZAH : **SARJANA PENDIDIKAN**

BIDANG : **PENGURUSAN PENDIDIKAN**

Saya **RANWAN MALINKUN**, Sesi **2019-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| ☐ | TIDAK TERHAD | |

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

**RANWAN MALINKUN**
**MP1821431T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 26 Oktober 2020

(Dr Roslee Bin Talip)
Penyelia Utama

# PENGESAHAN

| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | **RANWAN MALINKUN** |
| NO MATRIK | : | **MP1821431T** |
| TAJUK | : | **PENGARUH IKLIM ORGANISASI TERHADAP KUALITI GURU GENERASI 'Y': KOMPETENSI KECERDASAN EMOSI SEBAGAI MEDIATOR** |
| IJAZAH | : | **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)** |
| TARIKH VIVA | : | **26 Oktober 2020** |

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISAHKAN OLEH;**

**PENYELIA UTAMA** Tandatangan

Dr. Roslee Bin Talip

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucap syukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya akhirnya dapat saya menyiapkan latihan ilmiah saya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Dr Roslee Bin Talip selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, pandangan dan dorongan tanpa jemu kepada saya dalam proses menyiapkan tesis ini. Selain itu, penghargaan juga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr Mohd Yusof Abdullah (KUIM) sebagai pemeriksa luar dan Prof. Madya Dr Mohd Khairuddin Abdullah (UMS) sebagai pemeriksa dalam yang turut memantapkan penulisan tesis ini melelui saranan-saranan bernas yang diberi.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada guru-guru di Sekolah Menengah daerah Kudat kerana sanggup meluangkan sedikit masa untuk membantu saya di dalam mendapatkan maklumat dan memberikan kerjasama dalam menyiapkan tesis saya ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan yang banyak memberi tunjuk ajar dan membantu saya dalam menyiapkan tesis ini

Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada kedua-dua ibu bapa Malinkun Bin Magurindap dan Julia Binti Magurindang yang telah sekian lama menyokong dan mendoakan saya dalam pengajian ini. Kepada semua ahli keluarga khususnya kakak, abang, kakak dan abang ipar, serta anak-anak buah dan khas Tiop Anak Amin, Jaggil Bin Apak dan Tisebio Anak Tiop yang sentiasa ada untuk memberi dorongan, semangat, dan penghiburan sehingga semuanya selesai. Jasa dan budi baik kalian amatlah dihargai.

RANWAN MALINKUN

26 Oktober 2020

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh iklim organisasi dan kompetensi kecerdasan emosi guru terhadap kualiti guru generasi 'Y' di sekolah menengah di daerah Kudat, Sabah. Kajian bukan eksperimental ini menggunakan kaedah tinjauan dan beberapa teknik persampelan kebarangkalian telah digabungkan untuk mendapatkan sampel. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi yang ditadbir ke atas 236 orang guru generasi 'Y' di sekolah menengah harian biasa. Data dianalisis berdasarkan statistik deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS dan AMOS-SEM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa menunjukkan iklim organisasi, kompetensi kecerdasan emosi guru, dan kualiti guru generasi 'Y' diamalkan pada tahap tinggi. Seterusnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi iklim organisasi, kompetensi kecerdasan emosi guru, manakala kualiti guru generasi 'Y' terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina. Namun itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik berdasarkan pengalaman mengajar bagi iklim organisasi, kompetensi kecerdasaan emosi guru, dan kualiti guru generasi 'Y'. Ujian korelasi membuktikan pula menunjukkan wujud hubungan signifikan iklim organisasi ($r$=0.437, $p$<0.05), dan kompetensi kecerdasan emosi guru ($r$=0.500, $p$<0.05) dengan kualiti guru generasi 'Y'. Dapatan analisis regresi menunjukkan bahawa variabel peramal iklim organisasi menyumbang sebanyak 18.7% ($R^2$=0.187), manakala kompetensi kecerdasan emosi guru pula menyumbang sebanyak 24.7% ($R^2$=0.247), iklim organisasi dan kompetensi kecerdasan emosi guru mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kualiti guru generasi 'Y'. Di samping itu, hasil analisis laluan (SEM) membuktikan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan antara iklim organisasi dan kompetensi kecerdasan emosi guru terhadap kualiti guru generasi 'Y'. Kajian lanjut dicadangkan berhubung aspek sikap, motivasi, persekitaran, budaya, dan profesionallisme keguruan dalam memahami pengaruhnya terhadap kualiti guru generasi 'Y'.

Kata Kunci - iklim organisasi, kompetensi kecerdasan emosi, kualiti guru generasi 'Y', pengalaman mengajar, jantina, sekolah menengah

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# *ABSTRACT*

## *THE INFLUENCE OF ORGANIZATION CLIMATE TOWARDS 'Y' GENERATION TEACHERS: EMOTIONAL INTELLIGENCE COMPETENCIES AS MEDIATOR*

*This purpose of study is identifying the relationship and influence of organization climate and teacher emotional intelligence towards 'Y' generation of teacher quality in secondary school in Kudat, Sabah. This non-experimental study uses a survey method and several sampling probability techniques have been combined to obtain the sample. The data collected using a set of adaptation questionnaires administered to 236 'Y' generation teachers in regular middle school. data were analyzed based on descriptive and inferential statistics using SPSS and AMOS-SEM. Findings showed that organizational climate, the emotional intelligence of teachers, and the quality of 'Y' generation of teachers are practiced at a high level. In addition, there were no statistically significant differences for organization climate, teacher emotional intelligence, whereas teacher 'Y' generation quality was statistically significant. However, there were no statistically significant differences based on teaching experience for organizational climate, teacher emotional intelligence, and 'Y' quality teachers. Correlation tests also show that there is a significant relationship between organizational climate ($r=0.437$, $p<0.05$), and emotional intelligence competencies of teachers ($r=0.500$, $p<0.05$) with the quality of generation 'Y' teachers. as much as 18.7% ($R^2=0.187$), while teachers 'emotional intelligence competencies accounted for 24.7% ($R^2=0.247$), organizational climate and teachers' emotional intelligence competencies have a significant influence on the quality of generation 'Y' teachers. In addition, the results of the (SEM) pathway analysis indicate that there is a significant direct and indirect relationship between organizational climate and teacher emotional intelligence competency on teacher 'Y' generation quality. Further studies regarding aspects of attitudes, motivation, environment, culture, and professionalism of teaching in understanding its influence on the quality of generation 'Y' teachers.*


*Keywords - organization climate, emotional intelligence competency, 'Y' generation of teacher quality, teaching experience, gander, high school*

## ISI KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| **TAJUK** | i |
| **PENGAKUAN** | ii |
| **PENGESAHAN** | iii |
| **PENGHARGAAN** | v |
| **ABSTRAK** | vi |
| ***ABSTRACT*** | vii |
| **ISI KANDUNGAN** | viii |
| **SENARAI JADUAL** | xii |
| **SENARAI RAJAH** | xv |
| **SENARAI SINGKATAN** | xvi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | xvii |
| **BAB 1 : PENGENALAN** | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 14 |
| 1.5 Soalan Kajian | 14 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 15 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 16 |
| 1.8 Batasan Kajian | 17 |
| 1.9 Definisi Operasional Kajian | 19 |
| 1.9.1 Kualiti Guru | 20 |
| 1.9.2 Generasi 'Y' | 20 |
| 1.9.3 Iklim Organisasi | 21 |
| 1.9.4 Kompetensi Kecerdasan Emosi | 21 |


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.10 Rumusan 22

**BAB 2 : SOROTAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 23
2.2 Kualiti Guru 23
2.3 Teori dan Model Kualiti Guru 24
2.3.1 Model Guru Berkesan 24
2.3.2 Model Konseptual Pendidikan Guru 26
2.3.3 Model Kualiti Guru 27
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Kualiti Guru 28
2.5 Iklim Organisasi 31
2.6 Teori dan Model Iklim Organisasi 32
2.6.1 Teori dan Model Iklim Organisasi 33
2.6.2 Teori Gelagat Organisasi 36
2.6.3 Model Perubahan Dimensi Iklim Organisasi 36
2.7 Kajian Lepas Berkaitan Iklim Organisasi 39
2.8 Kompetensi Kecerdasan Emosi 41
2.9 Teori dan Model Kecerdasan Emosi 42
2.9.1 Teori kecerdasan emosi (Goleman) 43
2.9.2 Model Salovey dan Mayer 45
2.10 Kajian Lepas Berkaitan Kecerdasan Emosi Guru 46
2.11 Pengaruh Kecerdasan Emosi Guru Sebagai Pengantara (Mediator) 49
2.12 Kerangka Konseptual Kajian 50
2.13 Rumusan 57

**BAB 3 : METODOLOGI**

3.1 Pengenalan 58
3.2 Reka Bentuk Kajian 58
3.3 Populasi Kajian dan Sampel Kajian 60
3.4 Instrumen Kajian 67
3.4.1 Maklumat Demografi 70
3.4.2 Pengukuran Iklim Organisasi Pendidikan 70
3.4.3 Pengukuran Kompetensi Kecerdasan Guru 73

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3.4.4 Pengukuran Kualiti Guru Generasi 'Y' 75
3.5 Kajian Rintis 77
3.5.1 Kesahan Instrumen Kajian 78
3.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 88
3.6 Prosedur Pengumpulan Data 90
3.7 Analisis Data 91
3.7.1 Kaedah Deskriptif 92
3.7.2 Kaedah Inferensi 93
3.8 Rumusan 101

**BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 102
4.2 Latar Belakang Demografi Responden 102
4.2.1 Taburan Responden Kajian 103
4.2.2 Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar 104
4.3 Dapatan dan Maklumat Inferensi Kajian 104
4.3.1 Pensyaratan Ujian 105
4.3.1.1 Ujian Kenormalan 105
4.3.1.2 Nilai Ekstream (Outlier) 106
4.3.1.3 Ujian Lineariti dan *Multicollinerity* 108
4.3.1.4 *Homoscedasticity* 111
4.3.1.5 *Multivariate Outlier* 112
4.4 Dapatan Kajian Deskriptif 112
4.5 Dapatan Kajian 115
4.5.1 Tahap Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Di Sekolah Menengah Daerah Kudat 115
4.5.2 Perbezaan Skor Min Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Jantina 116
4.5.3 Perbezaan Skor Min Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Pengalaman Mengajar 120
4.5.4 Hubungan Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Dengan Kualiti Guru Generasi 'Y' 125

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4.5.5 Pengaruh Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' 126

4.5.6 Hubungan dan Pengaruh Secara Langsung dan Tidak Langsung Iklim Organisasi Dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' 127

4.6 Ringkasan Dapatan Kajian 134

4.6.1 Tahap Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Di Sekolah Menengah Daerah Kudat 134

4.6.2 Perbezaan Skor Min Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Jantina 135

4.6.3 Perbezaan Skor Min Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Pengalaman Mengajar 135

4.6.4 Hubungan Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Dengan Kualiti Guru Generasi 'Y' 135

4.6.5 Pengaruh Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' 136

4.6.6 Hubungan dan Pengaruh Secara Langsung dan Tidak Langsung Iklim Organisasi Dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' 136

4.8 Rumusan 136

**BAB 5 : RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan 137

5.2 Rumusan Kajian 137

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 140

5.3.1 Tahap Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Di Sekolah Menengah Daerah Kudat 141

5.3.2 Perbezaan Skor Min Iklim Organisasi, Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru, dan Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Jantina dan Pengalaman Mengajar 150

5.3.3 Hubungan Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Dengan Kualiti Guru Generasi 'Y' 154

5.3.4 Pengaruh Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' 156

5.3.5 Hubungan dan Pengaruh Secara Langsung dan Tidak Langsung Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi 158

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y'
5.4 Implikasi Kajian 161
5.4.1 Implikasi Terhadap Teori dan Model 161
5.4.2 Implikasi Terhadap Penyelidikan 163
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 165
5.6 Penutup 166
**RUJUKAN** 167
**LAMPIRAN** 191

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 2.1: | Lima jenis Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) | 45 |
| Jadual 2.2: | Pembinaan Konstruk Berdasarkan Teori dan Model Kajian | 50 |
| Jadual 3.1: | Bilangan Sekolah Menengah (Harian Biasa) dan Jumlah Guru Negeri Sabah Mengikut Daerah | 61 |
| Jadual 3.2: | Pemilihan Sampel dan Bilangan Responden Guru Generasi 'Y' Mengikut Sekolah Menengah Daerah Kudat | 65 |
| Jadual 3.3: | Kandungan Soal Selidik Kajian | 69 |
| Jadual 3.4: | Konstruk dan Nombor Item Variabel Iklim Organisasi | 73 |
| Jadual 3.5: | Konstruk dan Nombor Item Variabel Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru | 75 |
| Jadual 3.6: | Konstruk dan Nombor Item Variabel Kualiti Guru Generasi 'Y' | 76 |
| Jadual 3.7: | Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Iklim Organisasi | 80 |
| Jadual 3.8: | Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru | 83 |
| Jadual 3.9: | Nilai Faktor Muatan Konstruk dan Item Variabel Kualiti Guru Genersai 'Y' | 86 |
| Jadual 3.10: | Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Terhadap Instrumen Kajian Rintis | 90 |
| Jadual 3.11: | Tafsiran Skor Min | 92 |
| Jadual 3.12: | Nilai Kekuatan Korelasi | 94 |
| Jadual 3.13: | Kesan Ukuran untuk Nilai Beta dan Koefisien penentuan bagi Pengaruh | 94 |
| Jadual 3.14: | Kategori Kesesuaian Model | 95 |
| Jadual 3.15: | Pengukuran Kesepadanan Model | 98 |
| Jadual 3.16: | Ringkasan Kaedah Dalam Menganalisis Data | 100 |
| Jadual 4.1: | Taburan Responden Guru Generasi 'Y' Mengikut Sekolah Menengah Daerah Kudat | 103 |


UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.2: | Taburan Responden Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar | 104 |
| Jadual 4.3: | Ujian Normaliti Data | 106 |
| Jadual 4.4: | Analisis Nilai Ekstrim bagi Pembolehubah-Pembolehubah Kajian | 107 |
| Jadual 4.5: | Analisis Lineriti dan Multiculinariti bagi Pengaruh Iklim Organisasi Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' | 109 |
| Jadual 4.6: | Analisis Lineriti dan Multiculinariti bagi Pengaruh Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' | 110 |
| Jadual 4.7: | Statistik Residual | 112 |
| Jadual 4.8: | Skor Min Variabel Kajian | 113 |
| Jadual 4.9: | Skor Min Variabel Kajian Mengikut Jantina | 113 |
| Jadual 4.10: | Skor Min Variabel Kajian Mengikut Pengalaman Mengajar | 114 |
| Jadual 4.11: | Tahap Pemeringkatan Variabel-Variabel Kajian | 116 |
| Jadual 4.12: | Analisis Ujian-*t* Iklim Organisasi Berdasarkan Jantina | 117 |
| Jadual 4.13: | Analisis Ujian-*t* Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Berdasarkan Jantina | 118 |
| Jadual 4.14: | Analisis Ujian-*t* Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Jantina | 119 |
| Jadual 4.15: | Analisis Deskriptif Iklim Organisasi Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 121 |
| Jadual 4.16: | Analisis *ANOVA* Sehala Iklim Organisasi Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 121 |
| Jadual 4.17: | Analisis Deskriptif Variabel Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 122 |
| Jadual 4.18: | Analisis *ANOVA* Sehala Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 123 |
| Jadual 4.19: | Analisis Deskriptif Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 124 |
| Jadual 4.20: | Analisis *ANOVA* Sehala Kualiti Guru Generasi 'Y' Berdasarkan Pengalaman Mengajar | 124 |
| Jadual 4.21: | Analisis Korelasi Pearson di Antara Iklim Organisasi | 125 |

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | |
|---|---|---|
| | dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Dengan Kualiti Guru Generasi 'Y' | |
| Jadual 4.22: | Keputusan Analisis Regresi Berganda Stepwise Bagi Variabel Iklim Organisasi dan Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Terhadap Kualiti Guru Generasi 'Y' | 126 |
| Jadual 4.23: | Keputusan Kesesuaian Model Persamaan Struktur | 131 |
| Jadual 4.24: | Keputusan Analisis Hubungan dan Pengaruh Secara Langsung dan Tidak Langsung Variabel-Variabel Kajian | 132 |
| Jadual 4.25: | *Squared Multiple Correlations* Variabel-Variabel Peramal Terhadap Variabel Kriteria Kajian | 133 |
| Jadual 4.26: | Keputusan Ujian *Bootstrapping* Pengesahan Pengaruh Kompetensi Kecerdasan Emosi Guru Sebagai Pengantara Hubungan Variabel Kajian | 134 |

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Rajah 1.1: | Dimensi-dimensi Kualiti Guru | 5 |
| Rajah 2.1: | Model Guru Berkesan menurut Abdul Shukor Shaari (2008) | 25 |
| Rajah 2.2: | Model Konseptual Pendidikan Guru | 26 |
| Rajah 2.3: | Model Aspek Kualiti Guru | 28 |
| Rajah 2.4: | Dimensi-Dimensi Dalam Iklim Organisasi | 34 |
| Rajah 2.5: | Peringkat Interaksi Berdasarkan Peranan Di Antara Individu, Kumpulan dan Organisasi Dalam Satu Sistem Sosial | 35 |
| Rajah 2.6: | Model Pengurangan dan Pembaharuan Dimensi Untuk Mewujudkan OCI | 37 |
| Rajah 2.7: | Komponen Kecerdasan Emosi Goleman (2001) | 43 |
| Rajah 2.8: | Kerangka Konseptual Kajian | 55 |
| Rajah 4.1: | *Scatterplot Plot* Pemboleh Ubah Bebas dan Bersandar Kajian | 111 |
| Rajah 4.2: | Kedudukan Pembolehubah Mediator B di Dalam Hubungan Antara Pembolehubah A dan C | 128 |
| Rajah 4.3: | Kedudukan Kesan Tidak Langsung A, B dan Kesan Langsung C di dalam Sesuatu Model | 129 |
| Rajah 4.4: | Model Persamaan Struktur Hubungan dan Pengaruh Variabel Bebas Terhadap Variabel Bersandar Kajian | 130 |


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| ANOVA | - | *Analysis of Variances Test* |
| EMIS | - | *The Education Management Information System* |
| EPRD (BPPDP) | - | Bahagian Perancangan dan Penyeldidikan Dasar Pendidikan |
| EQ | - | *Emotional Quotient* |
| FPK | - | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| GTE | - | *General Teaching Efficacy* |
| GPI | - | Guru Pendidikan Islam |
| IAB | - | Institut Aminuddin Baki |
| ICT | - | *Information and Communication Technology* |
| IQ | - | *Intelligence Quotient* |
| IPG | - | Institut Pendidikan Guru |
| JPN | - | Jabatan Pendidikan Negeri |
| JPNS | - | Jabatan Pendidikan Negeri Sabah |
| KPM | - | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPI | - | *Key Performance Indicators* |
| MQF | - | *Malaysian Qualifications Framework* |
| MQA | - | *Malaysian Qualifications Agency* |
| OCI | - | *Organizational Climate Index* |
| OCDQ | - | *Organizational Climate Description Question* |
| PdPc | - | Pembelajaran dan Pemudahcaraan |
| PLC | - | *Professional Learning Community* |
| PPPM | - | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| PPD | - | Pejabat Pendidikan Daerah |
| PdP | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| SM | - | Sekolah Menengah |
| SMK | - | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SEM | - | *Structural Equation Modelling* |
| Sig | - | Signifikan |
| SPSS | - | *Statistical Package for The Social Sciences* |
| TQM | - | *Total Quality Management* |
| STEM | - | Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik |

## SENARAI LAMPIRAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Lampiran A: | Borang Soal Selidik | 191 |
| Lampiran B: | Surat Permohonan Sebagai Pakar Profesional Bagi Semakan dan Pengesahan Kandungan Soal Selidik Kajian | 202 |
| Lampiran C: | Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – EPRD | 205 |
| Lampiran D: | Surat Kelulusan Menjalankan Kajian dari JPNS | 206 |
| Lampiran E: | Data Mentah Kajian | 207 |
| Lampiran F: | Hasil Analisis Dapatan Kajian Menggunakan Perisian SPSS dan AMOS-SEM | 213 |


UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Pendidikan di negara berdepan dengan perubahan kurikulum mencabar menjelang abad ke-21 dalam usaha menyediakan pendidikan berkualiti. PPPM 2013-2025 dibuat bagi menaikkan kualiti insan dengan menjadi pendidikan lebih berkualiti. Kualiti pendidikan yang lebih efektif, efisien dan berinovasi selaras dengan tuntutan persediaan bagi melahirkan pemimpin-pemimpin transformasi supaya Malaysia muncul sebagai negara moden dan berjaya pada tahun 2020 (Muhyiddin Yassin, 2013). Sumber kualiti dan perubahan paradigma dalam aspek kualiti guru, iklim organisasi sekolah yang menyokong kepada keadaan pengurusan guru terancang dan guru memperolehi kecerdasan emosi yang dapat mengurus emosi guru.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Guru yang berprestasi tinggi menyumbang kepada keberhasilan kualiti yang dibawa ke sekolah seperti kecekapan, latihan professional, termasuk bidang pengkhususan, kejayaan dalam ujian tahunan, kelayakan dan pengalaman mengajar (Mohd Yusoff dan Sufean Hussin, 2013). Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat memartabatkan kualiti pendidikan di Malaysia akan tercapai dan berdaya saing serta mempunyai nilai pasaran yang berkualiti tinggi. Perkara ini disebabkan pendidikan yang telah dirancang dan diatur serta mempunyai pelan pembangunan pendidikan dalam sesebuah negara. Oleh itu, pendidikan unggul boleh dicapai dan mencapai matlamatnya dengan adanya guru yang berkualiti (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Noriati *et al.,* 2010; Kamarudin Hussin, dan Siti Hajar Abdul Aziz, 2003).

Kualiti perkhidmatan pendidikan terutamanya di sekolah tidak terkecuali daripada proses penambahbaikan berterusan. Pendidikan dianggap antara bidang yang menarik dan mencabar untuk melaksanakan usaha-usaha peningkatan sistem kualiti (Evans dan Lindsay, 2008). Kaplan dan Owings (2003) mendefinisikan akauntabiliti guru sebagai kualiti guru dan kualiti pengajaran. Oleh itu, kajian menunjukkan kualiti guru sangat mempengaruhi kualiti pendidikan.

*"kualiti guru negara bergantung kepada kualiti warganegara.*
*Kualiti warganegaranya bergantung kepada kualiti pendidikan.*
*Kualiti pendidikan sangat bergantung kepada kualiti guru-gurunya."*
(Turney, 1977)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah proaktif ke arah memartabatkan kualiti pendidikan di Malaysia hingga bertaraf dunia (Alimuddin Mohd Dom, 2008). Guru memainkan peranan penting dalam memastikan pencapaian sesebuah institusi pendidikan (Bai, Piri, dan Piri, 2014). Isu yang timbul selari dengan senario sistem pendidikan negara semakin banyak persaingan di persada dunia memerlukan tanggungjawab besar di kalangan warga pendidik. Perubahan kualiti pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan kualiti dan penyampaian pengajaran adalah misi penting guru (Ghavifekr, Afshari, Siraj, dan Razak, 2017).

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Cabaran di kalangan pendidik generasi 'Y' semakin mencabar dalam menghadapi perubahan sistem pendidikan. Guru generasi 'Y' dianggap generasi yang mampu mempengaruhi kejayaan e-pembelajaran yang diperkenalkan di setiap institusi pengajian di Malaysia berbanding generasi sebelumnya. Hal demikian kerana generasi 'Y' adalah generasi yang celik teknologi yang mempunyai tahap literasi teknologi yang tinggi (Bolton *et al.,* 2013) dan sering menggunakan internet dalam kehidupan harian mereka. Namun demikian, isu kualiti guru di kalangan generasi 'Y' menjadi tanda tanya. Oleh itu, penentu kualiti pendidikan sesebuah organisasi pendidikan ataupun institusi yang penting adalah kualiti guru (Rivkin *et al.,* 2005; Rockoff 2004). Menurut Sandoval (2008), dalam paradigma organisasi yang mempengaruhi Kualiti pendidikan dikaitkan dengan mencari kecekapan. Kualiti guru merupakan asas kecermerlangan institusi pendidikan dan sekolah

dalam melahirkan kecermerlangan pelajar (Lara *et al.,* 2010; Toledo dan Valenzuela, 2015).

Kajian terhadap guru generasi 'Y' wajar diberikan tumpuan agar guru-guru generasi ini mampu mencapai matlamat KPM dengan mencapai tahap yang diinginkan. Iklim dalam organisasi merupakan sumber paling penting kepada kecemerlangan organisasi pendidikan bagi memastikannya kekal bersaing dan daya tinggi (Musah *et al.,* 2016). Peranan bagai membentuk iklim yang positif dalam organisasi harus dimulakan oleh pemimpin atau ketua di sekolah yang menjadikan kepimpinan yang berkesan serta mengusahakan iklim yang selesa (Jeswani dan Dave, 2012). Kecerdasan dalam emosi di kalangan guru merujuk kepada kemampuan mengurus emosi dan sekitar serta menguruskan emosi dan hubungan dengan orang sekeliling. Sehubungan dengan itu, bagi mengecapi matlamat gelombang kedua PPPM (2013-2015), aspek kecerdasan emosi amat penting dalam diri pemimpin institusi pendidikan menjadi faktor penyumbang kepada kualiti kepimpinan yang cemerlang (Yahya Don dan Yaakob Daud, 2012).

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan berkualiti bermula dengan guru berkualiti. Dunia pendidikan telah mewujudkan era baru yang mencabar mengenai pertanyaan berkaitan perkhidamatan yang berkualiti dalam kalangan guru perlulah ditekankan. Daripada masa ke masa, kepelbagaian dimensi perubahan dalam pendidikan terutamanya persoalan yang mengetengahkan penjelasan tentang kualiti guru. Justeru, peranan sekolah semestinya mampu memberikan suasana yang baik dan selesa agar keverlangan yang holistik bagi menjadikan pelajar seimbang serta harmoni dari sudut mentaliti, fizikal, kerohanian dan jasmani. Dalam pernyataan, "Tidak akan ada pendidikan yang baik tanpa kualiti guru yang baik" (Lin *et al.,* 2010). Disebabkan itu, pendidikan haruslah mempunyai kualiti yang perlu dibangunkan secara holistik sejajar dengan hasrat KPM.

Kualiti pendidikan negara perlulah ditingkatkan secara menyeluruh dan berterusan supaya selaras dengan misi kementerian Pendidikan Malaysia bagi menghasilkan sistem pendidikan yang mampu bersaing dan menjadikan guru-guru yang kualiti dan cemerlang. Menurut Azizah Lebai Nordin (1990), guru yang mempunyai kualiti adalah yang ada ilmu yang tinggi, boleh memberikan tumpuan dan kerjasa serta mampu membuta refleksi diri. Hal demikian, kejayaan proses pembelajaran adalah apabila guru-guru memiliki P&P yang berkualiti dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam penyampaian P&P (McIntyre, 2014). Berpandukan konteks kualiti guru diberikan keutamaan bagi meningkatkan pencapaian pelajar (Andrews, 2012). Keperluan dalam pembentukan polisi ini perlu diberikan penyusunan berdasarkan pertimbangan dan persetujuan semua bahawa guru yang berkualiti dan berkesan menjamin kejayaan pelajar (Anon, 2010). Walaupun kecemerlangan pendidikan berjaya dan terbaik sekalipun ianya tidak akan mendatangkan manfaat dan impak tanpa adanya keupayaan kualiti guru itu sendiri.

Namun itu, kebanyakannya penyelidikan dari Amerika Syarikat (AS), menunjukkan bahawa kualiti guru adalah berada dalam keadaan kritikal untuk pembelajaran pelajar, mereka juga mendedahkan bahawa guru berbeza secara meluas dalam keupayaannya untuk menghasilkan kecemerlangan pembelajaran pelajar (Bruns dan Luque, 2015), dan sedikit perbezaan dalam pencapaian pelajar adalah dikaitkan dengan ciri-ciri guru tertentu (Rivkin *et al.,* 2005a). Sebagai tindak balas terhadap masalah ini, kajian baru-baru ini telah menggunakan kuasi eksperimen reka bentuk untuk memberikan gambaran yang lebih luas mengenai kualiti guru. Langkah yang merangkumi kedua-dua maklumat keseluruhan seperti anggaran nilai ditambah dan peranan ciri-ciri guru yang berkualiti terhadap pembelajaran pelajar (Bacher-Hicks *et al.,* 2014; Chetty *et al.,* 2014; Rothstein, 2017).

Di Sabah, pengkaji tertarik dengan penyelidikan kualiti guru yang masih kabur untuk membuktikan persoalan menganai sejauhmana kualiti guru memainkan peranan sebagai warga pendidik. Saban hari, pertambahan bilangan guru di sekolah menengah (Harian Biasa) menunjukkan jumlah seramai 14,402 orang menurut Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (2019). Antara persoalan yang

perlu dikaji ialah kualiti guru melihat kepada lapan dimensi yang digariskan dalam (MQF) oleh (MQA). Dimensinya dalam rajah 1.1.




**Rajah 1.1 : Dimensi-dimensi Kualiti Guru**
Sumber : Pembentukan Model Kualiti Guru (Azizah Sarkowi, 2012)

Berdasarkan Rajah 1.1, membincangkan mengenai usaha memahami keunikan guru-guru dari segi penguasan aspek kualiti guru secara meluas dipercayai penting untuk menguasai lapan diimensi sama dalam (MQF) oleh (MQA). Kelayakan akademik, kelayakan profesional, kursus penyegaran atau latihan dan pengalaman guru adalah kualiti intipati seorang guru. Kualiti iaitu kelayakan akademik dan pengetahuan mengenai perkara, kompetensi dan kemahiran, dan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

komitmen guru mempunyai kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran; pengajaran di dalam kelas bergantung kepada kualiti guru (Arshad, Dahar, Tahira, dan Ahmad, 2011). Oleh itu, kualiti guru generasi 'Y' di Sabah adalah menarik untuk diselidiki dengan lebih mendalam. Budaya profesionallisme perguruan adalah berpandukan (SGM) ialah mempunyai tahap yang baik atau sederhana (Nur Hafizoh Idris dan Rohana Hamzaha, 2013). Oleh itu, sebaliknya berbeza dengan kualiti guru adalah pada tahap yang rendah antara negara-negara Amerika Latin (Bruns dan Luque, 2015).

Sekolah menengah kebangsaan di daerah Kudat yang mempunyai piawaian yang boleh dibanggakan, sebagai sekolah harian biasa perlu mengambil berat iklim sekolah yang sihat dan efektif untuk merangsang kurikulum dan ko-kurikulum yang dilaksanakan oleh guru-guru. Isu berkaitan iklim organisasi merupakan cerminan kepada budaya sekolah. Menurut Chinthala (2014), iklim dalam organisasi merujuk kepada kemahiran membuat keputusan, menyediakan persekitaran yang sesuai dan mampu mencabar ahli dalam organisasi untuk bersaing dan memberikan yang terbaik dalam pekerjaan. Ianya juga berupaya memberikan pengaruh kepada gaya dan cara pekerja bekerja (Jeswani dan Dave, 2012). Iklim dalam organisasi bermaksud suasana persekitaran yang berkualiti dalam organisasi dan turut dirasakan oleh ahlinya (Robbins dan Barnwell, 1998).

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Selain itu dalam konteks iklim sekolah, penumpuan harus diberikan terhadap penambahbaikan berterusan pemboleh ubah ini kerana peningkatan kualiti dan produktiviti guru adalah sangat penting untuk kemajuan guru dan pelajar (Prabagaran, 1998). Menurut Mehmet Gurol dan Seda Kerimgil (2010), kecemerlangan sekolah dalam akademik juga didasari oleh keberkesan pengurusan sekolah dan akademik pelajar di sekolah yang berkesan. Perkara ini disokong oleh Hoy, Tarter dan Hoy (2006) merupakan keyakinan terhada kondisi akademik dan membentuk kerjasama yang erat supaya dapat memberikan motivasi dan mencapai akademik yang cemerlang.